

50 peratus pekerja kita terima gaji, upah bawah RM2,424

Kuala Lumpur: Purata gaji dan upah bulanan di Malaysia meningkat sebanyak 5.8 peratus kepada RM3,212 berbanding RM3,037 pada 2021, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Sementara itu, pengeluaran gaji dan upah bulanan pekerja di negara ini berada pada RM2,424, meningkat 7.7 peratus dari pada RM2,250 tahun lalu.

Keadaan ini juga menunjukkan separuh atau 50 peratus daripada pekerja warganegara sepenuh masa di negara ini menerima gaji dan upah di bawah RM2,424.

Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, pada 2022 ekonomi global berdepan cabaran yang ketara, termasuk gangguan rantaian bekalan, lonjakan harga komoditi, krisis tenaga, dan kadar inflasi yang tinggi sebelum menyederhana pada suku tahun keempat.

Beliau berkata, walaupun berdepan dengan krisis ini, Malaysia mencatatkan peningkatan Kekurangan Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang memberangsangkan, dengan kenaikan sebanyak 8.7 peratus, didorong oleh prestasi kukuh dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan, yang menyumbang 82.4 peratus kepada KDNK negara.

Katanya, fasa peralihan ke endemik, pembukaan semula sempadan antarabangsa dan peningkatan dalam industri pelancongan telah mewujudkan lebih banyak permintaan buruh dalam pasaran.

"Kerajaan meningkatkan paras gaji minimum kepada RM1,500 bermula Mei 2022, yang mewartakan gaji bulanan sebanyak RM1,500 untuk pekerja di semua sektor, sebagai langkah yang dijangka akan meningkatkan paras gaji dan upah secara keseluruhan di negara ini berbanding tahun-tahun sebelumnya," katanya dalam satu kenyataan Statistik Gaji & Upah, Malaysia, 2022 yang diterbitkan DOSM, semalam.